

Malaysia dijangka jadi pintu masuk produk Bahrain

UM 2 - NOV 2001

PUTRAJAYA 1 Nov. — Bahrain berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk produk negara itu ke rantau Asia Timur, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menurut beliau, negara tersebut juga mahu menjalinkan kerjasama perdagangan yang lebih erat dengan negara-negara rantau Asia Timur terutama negara ASEAN.

Untuk tujuan tersebut kata Syed Hamid, Bahrain telah "meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan hasrat negara itu pada sidang kemuncak ASEAN yang akan diadakan di Brunei kelak.

"Bahrain berharap melalui Malaysia mereka akan mempunyai hubungan yang berbagai dengan negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan Bahrain di sini, hari ini.

Pada majlis itu Malaysia diwakili oleh Dr. Mahathir manakala Bahrain oleh Perdana Menteri, Shaikh Khalifa Bin Salman Al-Khalifa.

Terdahulu Shaikh Khalifa mengadakan pertemuan tertutup dengan Dr. Mahathir membincangkan hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama ekonomi.

Selain itu, satu memorandum persefahaman antara Kementerian Minyak Bahrain dengan Petronas turut ditandatangani melibatkan usaha cari gali dan pengeluaran bersama minyak di dua kawasan luar pesisir Bahrain.

Syed Hamid menambah, perbincangan antara Dr. Mahathir dengan Shaikh Khalifa berlangsung dalam suasana mesra dan amat baik.

Hubungan

Katanya, beberapa perkara telah dibincangkan antaranya menjurus ke arah mengadakan usaha sama dalam bidang pelancongan, pembangunan sistem perbankan dan kewangan Islam di Bahrain serta mengadakan penerbangan antara kedua-dua negara.

Malah, jelas Syed Hamid, Bahrain berminat untuk menawarkan kepada sebuah syarikat Malaysia bagi menguruskan sebuah lapangan terbang di negara Teluk tersebut.

"Saya fikir ini satu hubungan yang memanfaatkan kedua-dua negara," katanya.

Di samping itu, kata beliau, kerajaan negara tersebut turut berharap dapat menjalinkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan perubatan dengan memberi ruang kepada Malaysia menunjukkan kemampuan sebenarnya dalam kedua-dua bidang berkenaan.

Untuk tujuan itu, kata Syed Hamid, Bahrain bersedia mengadakan program pertukaran pelajar dengan Malaysia.

Beliau seterusnya berkata, bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan antara kedua-dua negara, Malaysia akan menubuhkan pusat perdagangan dan pengedaran di Bahrain.

Pusat itu, katanya, akan berperanan sebagai tempat pameran produk Malaysia sebelum dipasarkan ke negara-negara Teluk.

Ditanya sama ada pertemuan tersebut ada membincangkan isu keganasan, Syed Hamid memberitahu, perkara itu tidak ada dibangkitkan.

"Bagaimanapun, mereka ada bincang tentang tragedi 11 September lalu," katanya.